



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 16 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS RAMPAS 86,500KG BAWANG DARI CHINA, PAKISTAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21 86,500 KG BAWANG CHINA, PAKISTAN DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 2 KONTENA BAWANG DARI PAKISTAN, CHINA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	FAMA SELANGOR LANCAR TABUNG AMAL MANGSA BANJIR 2021, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	BENA PERANG SERANG PADI DI YAN, DALAM NEGERI, UM -13	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

Maqis rampas 86,500kg bawang dari China, Pakistan

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Selangor mematahkan cu-baan menyeludup masuk bawang bernilai RM179,822.85

dari China dan Pakistan di Pelabuhan Klang Barat pada Selasa.

Pengarahnya, Dr Tarmisal Alimin berkata, percubaan untuk membawa masuk dua kontena bawang merah dan kuning itu

dipercayai dilakukan sebuah syarikat tempatan.

Menurutnya, rampasan itu dibuat selepas pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai penguat kuasa Maqis kira-kira jam 11.30 pagi



Maqis Selangor merampas bawang bernilai RM179,822.85 dari China dan Pakistan di Pelabuhan Klang Barat pada Selasa.

“Kedua-dua kontena tersebut mengandungi 86,500 kilogram (kg) bawang merah dan kuning yang dianggarkan bernilai RM179,822.85. Rampasan dibuat kerana tidak mematuhi syarat seperti mana yang dinyatakan pada permit import Maqis iaitu tidak mematuhi Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan),” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

86,500 kg bawang China, Pakistan dirampas

KLANG - Cubaan sebuah syarikat pemborong tempatan membawa masuk dua kontena bawang merah serta bawang kuning dari China dan Pakistan berjaya dipatahkan pihak berkuasa di Pelabuhan Klang Barat baru-baru ini.

Kesemua bawang seberat 86,500 kilogram (kg) itu dirampas pukul 11.30 pagi, Selasa lalu hasil pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor.

Pengarahnya, Dr. Tarmisal Allmin berkata, hasil siasatan mendapati, ini merupakan kesalahan pertama syarikat yang menjalankan peniagaan secara borong itu.

Difahamkan syarikat itu beroperasi di sebuah negeri di pantai timur sejak 2009.

"Pemeriksaan mendapati

kontena itu telah tiba di pelabuhan tersebut sejak 5 Januari lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati mereka tidak mematuhi syarat permit import Maqis iaitu sijil Perakuan 3P meliputi penggredan, pembungkusan dan pelabelan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Nilai rampasan kesemua bawang itu dianggarkan RM179,822.85.

Tarmisal menambah, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama," jelasnya.



MAQIS merampas 56,500 kg bawang merah dan kuning bernilai RM179,000 di Pelabuhan Klang Barat, Selangor Selasa lalu.

2 kontena bawang dari Pakistan, China dirampas

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor, mematahkan cubaan membawa masuk dua kontena bawang merah serta bawang kuning dari China dan Pakistan dalam pemeriksaan di Pelabuhan Barat, di sini, Selasa lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr Tarmisal Alimin, berkata ketika pemeriksaan rutin dilakukan, pegawai penguat kuasa MAQIS merampas 86,500 kilogram (kg) bawang merah dan kuning kerana gagal mematuhi Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) ditetapkan.

"Kedua-dua kontena itu mengandungi 86,500kg bawang merah dan kuning dianggarkan bernilai RM179,822.85.

"Barang dagangan (bawang merah dan kuning) dirampas kerana

tidak mematuhi syarat seperti dinyatakan pada permit import MAQIS iaitu tidak mematuhi Sijil Perakuan 3P," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tarmisal berkata, kegagalan mengemukakan maklumat itu adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 15(2) akta sama," katanya.

Katanya, MAQIS mengambil serius isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam kelestarian makanan negara.



MAQIS Selangor merampas 86,500kg bawang kuning dan merah dari China serta Pakistan di Pelabuhan Klang, semalam. (Foto ihsan MAQIS)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2021	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

Fama Selangor lancar Tabung Amal Mangsa Banjir 2021

KEMANUSIAAN. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor bersama usahawan pasar tani melancarkan Tabung Amal Misi Bantuan Bencana Banjir 2021 di tapak pasar tani Stadium Shah Alam baru-baru ini.

Menurut Timbalan Pengarah Fama Selangor, Zuriana Mat

Adam, pihaknya menganjurkan kutipan tersebut di 49 pasar tani di negeri itu bagi membantu penduduk di beberapa negeri di Pantai Timur yang dilanda banjir.

Zuriana berkata, kesemua hasil kutipan derma dan jualan amal tersebut akan disampaikan kepada mangsa banjir pada 18 Januari depan.



ZURIANA (tengah) menerima sumbangan tunai dari seorang kanak-kanak sebagai simbolik Majlis Pelancaran Tabung Amal Misi Bantuan Bencana Banjir Fama Selangor 2021 di Stadium Shah Alam baru-baru ini.

Bena perang serang padi di Yan

Oleh **ABD. RAZAK OSMAN**
utusanews@mediamulla.com.my

YAN: Kebanyakan pesawah Kampung Dulang Besar di sini kerugian pada musim ini apabila pokok padi mereka diserang penyakit bena perang atau 'bom' sejak awal bulan ini.

Serangan penyakit tersebut mudah merebak dan sekiranya tidak dikawal boleh merebak ke kawasan berdekatan seperti Kuala Sungai Daun, Kuala Sungai Limau, Sungai Tongkang, Sungai Kering dan Kuala Seda-ka.

Seorang petani, **Mohd. Johar Ismail**, 75, dari Kampung Dulang Besar berkata, sebahagian pokok padi yang ditanam beberapa bulan lepas kini kering dengan biji padi pula tidak berisi.

Menurutnya, pendapatan petani kali ini terjejas teruk apabila hasil padi tidak dapat dijual kerana rosak diserang penyakit tersebut.

"Setiap musim, saya boleh memperoleh pendapatan lebih RM10,000 tetapi pada musim ini pendapatan saya dan pesawah-pesawah lain merosot," katanya di sini hari ini.

Bena perang (Nilaparvata lugens) adalah serangga perosak utama tanaman padi. Walaupun bersaiz kecil, bena perang



MOHD. JOHAR ISMAIL menunjukkan padi yang rosak akibat bena perang di Kampung Dulang Besar, Yan, Kedah semalam.

menghisap cairan pokok padi pada tisu-tisu pembekal air dan makanan sehingga menyebabkan tanaman padi rosak.

Mohd. Johar berkata, dia telah membuat laporan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Jalan Guar Cempedak di sini untuk mengawal penya-

kit tersebut daripada merebak ke kawasan lain.

Seorang lagi pesawah, **Ismail Cha**, 69, pula berkata, serangan bena perang itu telah merosakkan padinya seluas kira-kira 0.52 hektar di kampung ini.

Menurut, sebelum ini, dia menggunakan racun dan

baja seperti yang dimasihkan kan agensi pertanian, namun tetap diserang penyakit bena perang.

Katanya, serangan penyakit itu dikesan ke atas pokok padi yang berusia kira-kira 20 hari dan cepat merebak ke kawasan tanaman padi lain.